

Ceburi sektor perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM255 juta

EkuiNAS ambil alih Davex

KUALA LUMPUR – Ekuiti Nasional Bhd. (EkuiNAS) akan membuat pelaburan terbesar dalam sektor perkilangan berikutan pengambilalihan 100 peratus kepentingan dalam Davex (Malaysia) Sdn. Bhd. (Davex) dengan kos sebanyak RM255 juta.

Pengerusi EkuiNAS, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda (**gambar**) berkata, pelaburan ini menandakan kemasukan syarikat di dalam sektor pengeluaran dan ia bertepatan pada masanya kerana

permintaan untuk lampu luminair, terutama model cekap tenaga, kini semakin pesat.

Davex merupakan syarikat reka bentuk, perundingan dan pengeluaran lampu tempatan.

“EkuiNAS teruja untuk memasuki segmen pencahayaan luminair melalui Davex, ia merupakan peneraju pasaran serantau yang bertapak di Malaysia dan telah menerangi projek-projek terkenal di rantau

ini, termasuk Menara Berkembar Petronas,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Davex mengeluarkan produknya sendiri di bawah jenama Davis Lighting dan keutamaannya adalah dalam segmen luminair dalam pasaran pencahayaan.

Syarikat yang berpangkalan di Pulau Pinang dan diasaskan pada tahun 1983 itu menyediakan kelengkapan penca-



hayaan menyeluruh untuk pelanggan komersial, perindustrian dan kediaman.

Ia juga berjaya menembusi pasaran luar negara seperti di Singapura dan Australia.

Sejak penubuhannya pada tahun 2009, EkuiNAS telah melabur dalam 54 syarikat di bawah pelaburan langsung dan penyumberan luar dengan jumlah komitmen modal melebihi RM3 bilion.

EkuiNAS mencatatkan prestasi yang kukuh tahun lepas dengan

menutup tahun 2016 dengan positif EkuiNAS Direct (Tranche I) Fund mencatatkan Pulangan Kasar Portfolio RM466.4 juta, pada Kadar Pulangan Dalaman (IRR) tahunan kasar sebanyak 13.1 peratus dan IRR tahunan bersih sebanyak 9.4 peratus.

Dana kedua, EkuiNAS Direct (Tranche II) Fund mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar sebanyak RM331.6 juta pada IRR tahunan kasar sebanyak 18.1 peratus dan IRR tahunan bersih sebanyak 12.7 peratus.